

MD SIDIN AHMAD ISHAK

Pengedaran buku di Asia Tenggara: Kajian import dan eksport

Pengenalan

Dalam suasana perkembangan maklumat digital dan elektronik yang pesat di seluruh dunia, potensi pasaran bahan penerbitan terus berkembang walaupun menghadapi persaingan yang sengit. Di Asia Tenggara kebanyakannya negara mencatatkan peningkatan dalam jumlah pengeluaran tahunan bagi judul buku. Begitu juga, bahan-bahan penerbitan import khususnya majalah dan buku terus membanjiri pasaran negara-negara ASEAN. Bagaimanakah trend sesebenar perkembangan ini? Sejauh manakah negara-negara ASEAN mengeksport dan mengimport bahan-bahan penerbitan tersebut. Apakah kategori penerbitan yang penting?

Sebagai usaha awal, kajian ini melihat data-data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dan data-data dari luar negara terutamanya negara yang menjadi pembekal utama bagi penerbitan import yang diedarkan di pasaran tempatan. Data-data yang dimaksudkan adalah dari *Department of Trade & Industry UK* bagi buku-buku yang diimport dari United Kingdom, U.S. *International Trade Commission* untuk import dari Amerika, *Customs and Tariff Bureau, Ministry of Finance, Japan* bagi buku Jepun dan *GOI Foreign Trade Statistics* bagi penerbitan import dari India. Oleh yang demikian, negara-negara luar ASEAN yang difokus oleh kajian ini ialah Amerika Syarikat, United Kingdom, Jepun dan India memandangkan negara-negara ini secara tradisinya dianggap antara yang terpenting bagi Asia Tenggara dalam konteks penerbitan dan percetakan buku.

Import-eksport Malaysia dengan Singapura

Melalui statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini, nilai eksport tahunan Malaysia ke Singapura bagi bahan bercetak adalah antara RM85 juta hingga RM166 juta. Ini merupakan kira-kira 0.06 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport terus ke Singapura dan kira-kira 0.15 peratus daripada keseluruhan eksport melalui Singapura. Pada tahun 1997, nilai eksport Malaysia ke Singapura adalah sebanyak RM85,671,532. Pada tahun berikutnya, jumlah itu meningkat kepada RM110,315,502 dan seterusnya kepada RM130,258,362 pada tahun 1999. Nilai itu meningkat terus menjelang tahun 2000 iaitu kepada RM166,189,391 tetapi kemudian menurun sedikit pada tahun 2001 pada nilai RM163,195,330. Perubahan sebanyak -2 peratus ini sebenarnya tidaklah tinggi berbanding dengan kemerosotan keseluruhan yang sebanyak -8 peratus.

Nilai import bahan bercetak dari Singapura ke Malaysia pula adalah antara RM87 juta dengan RM133 juta setahun. Ini menunjukkan lebihan dagangan bagi Malaysia dengan nilai purata sebanyak RM15.5 juta. Pada tahun 2001 nilai import adalah sebanyak RM106 juta iaitu menurun sebanyak 20 peratus berbanding dengan tahun 2000. Penurunan ini agak selaras dengan penurunan keseluruhan import terus dan import melalui negara itu. Namun, dari tahun 1998 hingga 2000, nilai import bahan cetak dari Singapura memperlihatkan peningkatan antara 4 peratus hingga 22 peratus. Sebaliknya eksport melalui Singapura memperlihatkan turun-naik iaitu dari RM85 juta kepada RM164 juta pada tahun 2000 dan menurun sedikit sebanyak dua peratus pada tahun 2001. Daripada jumlah yang ditunjukkan, tidak dapat dipastikan nilai sebenar bahan cetak import yang bukan terbitan dan cetakan Singapura tetapi singgah melalui Singapura. Begitu juga, tidak dapat dipastikan nilai sebenar bagi penerbitan buku dan majalah. Namun, daripada jadual di atas ternyata, eksport Malaysia adalah melebihi importnya.

JADUAL 1
Import Dan
Eksport Bahan
Bercetak
Malaysia-
Singapore
(Dalam RM)

	Tahun	Eksport	Perubahan	Import	Perubahan
	1997	85,671,532		87,109,619	
	1998	110,315,502	(29%)	91,033,384	(4%)
	1999	130,258,362	(18%)	109,237,814	(20%)
	2000	166,189,391	(28%)	133,150,624	(22%)
	2001	163,195,330	(-2%)	106,372,715	(-20%)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, External Trade Statistics

Import buku daru UK

Melalui Jadual 2, Singapura merupakan destinasi penting di Asia Tenggara bagi buku-buku yang dieksport oleh United Kingdom. Sepanjang lima tahun kebelakangan ini nilai tahunan adalah antara 21 juta pound Sterling hingga 33 juta pound. Ini diikuti oleh pasaran ke Malaysia iaitu antara 3 juta hingga 7 juta pound Sterling. Seterusnya diikuti oleh Thailand, Filipina, Indonesia, Vietnam dan Burma mengikut keutamaan.

Ada beberapa faktor mengapa nilai bagi Singapura adalah jauh lebih tinggi. Sebagai negara entreport, Singapura berfungsi sebagai pintu kepada negara-negara Asean dan rantau Pasifik. Selain itu, penggunaan bahasa Inggeris yang meluas di Singapura juga menyebabkan buku-buku berbahasa Inggeris dari UK adalah diperlukan. Namun begitu, Filipina yang lebih banyak menggunakan bahasa Inggeris berbanding dengan Thailand, mengimport nilai yang kurang. Berkemungkinan, buku-buku UK kurang popular di Filipina berbanding dengan buku-buku berbahasa Inggeris dari US atau Australia atau Singapura mungkin menjadi pintu penting bagi Filipina.

Negara	1998	1999	2000	2001	2002
Singapore	21.0	24.8	26.3	28.4	33.4
Malaysia	4.6	3.1	3.8	6.8	6.4
Thailand	2.4	3.2	3.3	4.3	5.2
Philippines	1.9	2.1	1.9	3.4	1.9
Indonesia	1.0	0.2	0.3	0.5	0.2
Vietnam	0.2	0.1	0.2	0.3	0.4
Brunei	0.3	0.1	0.2	0.2	0.2
Burma	0.1	0.2	0.3	0.0	0.0
Kampuchea	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0
Laos	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0

JADUAL 2
Import Buku
dari UK ke
Negara-negara
ASEAN
(Dalam Juta
Pound)

Nota: 0.0 = nilai kurang daripada separuh unit yang ditunjukkan.

Sumber: Department of Trade & Industry, DTI Strategy Unit, UK

Import buku dari Jepun

Bagi buku-buku yang berasal dari Jepun, Singapura mengimport lebih daripada tiga kali lebih banyak dari Malaysia dalam bentuk nilai kewangan pada tahun 1999 iaitu kira-kira 500 juta yen bagi Singapura

dan kira-kira 150 juta yen bagi Malaysia. Pengimport utama dari ASEAN yang lain ialah Thailand yang menduduki tempat kedua iaitu sebanyak 267 juta yen. Sebagai perbandingan China mengimport sebanyak tiga suku juta yen iaitu hampir separuh daripada import Singapura, lebih dua kali import Thailand dan lebih lima kali nilai import Malaysia.

Sebaliknya, dari segi eksport, Malaysia tidak tersenarai sebagai 15 pengeksport utama pada tahun 1999. Ini bermakna eksport Malaysia adalah kurang daripada suku juta yen, sedangkan Singapura mengeksport sebanyak 31.1 juta yen pada tahun tersebut. Malahan Singapura sebenarnya menduduki tempat ketiga di dunia selepas USA dan United Kingdom.

JADUAL 3
Import dan
Eksport Buku
Jepun (1999)
(dalam 1,000
yen)

Negara	Import	Eksport
Singapore	479,794	3,107,280
Thailand	267,405	na
Malaysia	153,376	na
China	744,282	727,243

Sumber: Customs and Tariff Bureau, Ministry of Finance, Japan

Import buku dari India

Bagi tempoh perdagangan 1996/1997, di kalangan negara-negara ASEAN, Singapura menguasai pasaran eksport buku ke India dengan sejumlah US\$280 ribu. Ini diikuti oleh buku-buku dari Thailand sebanyak US\$8 ribu manakala Malaysia hanya mampu mengeksport nilai yang sangat kecil. Walau bagaimanapun, data-data tentang import tidak dapat diperoleh setakad kajian ini.

JADUAL 5
Import Buku
ke India
(Dalam
US\$1,000)

Negara	1996/97
Singapore	280.3
Thailand	7.7
Philippines	3.7

Sumber: GOI Foreign Trade Statistics

Import penerbitan dari Amerika Syarikat

Satu lagi sumber dagangan buku yang penting bagi Malaysia ialah USA. Pada tahun 2002, jumlah nilai eksport seluruh penerbitan (meliputi buku, serial dan periodikal) dari Malaysia ke USA adalah sebanyak US\$12 juta iaitu meningkat lebih daripada tiga kali dalam masa enam tahun. Malaysia merupakan negara pengeksport ke-18 paling tinggi di dunia. Walaupun begitu nilai Singapura yang menduduki tangga kelima di dunia adalah jauh lebih besar iaitu sebanyak US\$107 juta pada tahun yang sama dan dalam hal ini nilai eksport Malaysia hanya satu peratus sahaja berbanding dengan Singapura.

Dari segi nilai import, Singapura dan Filipina mendahului Malaysia sebagai pasaran yang penting di ASEAN untuk penerbitan Amerika (Jadual 7). Pada tahun 2002 sebanyak US\$58 juta penerbitan pergi ke Singapura manakala US\$19 juta pergi ke Filipina sedangkan buku yang terus ke Malaysia bernilai sebanyak US\$9 juta. Walau bagaimanapun, trend import ke Malaysia adalah mengembang secara konsisten kecuali pada tahun 2001. Walaupun perkembangan Singapura tidak konsisten tetapi nilainya adalah jauh lebih tinggi dan jumlah yang dihantar terus ke Malaysia hanya 16 peratus daripada yang dihantar ke Singapura.

Negara	1996	1997	1998	1999	2000	2001	2002
Singapore							
(5)	106,705	103,827	103,747	99,203	95,799	107,942	107,274
Malaysia							
(18)	3,821	4,148	4,579	9,178	10,617	8,300	12,095
Thailand							
(19)	6,557	6,051	5,184	7,355	9,323	11,733	11,566

JADUAL 6
Jumlah Eksport
Penerbitan ke
USA
(dalam
US\$1,000)

Sumber: Tariff and trade data from the U.S. Department of Commerce, the U.S. Treasury, and the U.S. International Trade Commission

JADUAL 7
Jumlah Import
Penerbitan dari
USA
(dalam
US\$1,000)

Negara	1996	1997	1998	1999	2000	2001	2002
Singapore							
(6)	39,735	41,796	32,185	45,899	65,961	57,966	58,328
Philippines							
(15)	28,991	23,891	13,742	17,050	21,305	22,456	18,590
Malaysia							
(23)	6,522	7,081	4,322	,360	9,640	8,721	9,274

JADUAL 8
Jumlah Buku
Import dari
USA
(dalam
US\$1,000/1,000
naskhah)

Negara	1996	1997	1998	1999	2000	2001	2002
Singapore							
(6)	36,024	36,851	26,536	41,135	60,669	48,985	49,570
	19,714	19,820	15,974	26,437	32,259	24,977	21,817
Philippines							
(13)	26,657	19,718	10,361	13,990	18,267	18,984	15,331
	10,661	9,181	5,299	6,784	10,727	8,823	6,667
Malaysia							
(21)	5,682	,259	2,821	4,320	7,515	7,240	7,709
	2,136	2,339	1,274	1,898	3,359	3,726	3,397

JADUAL 9
Jumlah Eksport
Buku ke USA
(dalam
US\$1,000/1,000
naskhah)

Negara	1996	1997	1998	1999	2000	2001	2002
Singapore							
(5)	96,124	92,134	94,672	89,000	86,630	96,625	100,610
	37,769	38,138	42,734	39,009	34,945	40,582	44,076
Malaysia							
(17)	3,715	4,087	4,522	9,019	10,443	7,736	11,591
	1,498	2,199	2,629	5,552	5,739	5,245	8,111
Thailand							
(18)	5,821	5,585	4,649	6,789	8,563	10,924	10,395
	4,078	5,567	3,797	6,418	6,906	7,665	8,293

Import Buku: Keseluruhan buku yang diimport oleh Singapura dari USA adalah sebanyak 19.7 juta naskhah pada tahun 1996 dengan nilai US\$36 juta. Angka ini meningkat dari tahun ke tahun (kecuali 1998) sehingga mencapai sebanyak 21.8 juta naskhah pada tahun 2002 dengan nilai sebanyak US\$50 juta. Bagi import Malaysia pula, jumlah pada tahun 1996 adalah sebanyak 2.1 juta naskhah dengan nilai US\$5.6 juta dan meningkat sehingga mencapai hampir US\$8 juta pada tahun 2002 iaitu dengan sebanyak 3.3 juta naskhah buku. Pada tahun 1998 dan 1999, jumlah kuantiti dan nilai adalah merosot dengan agak nyata. Malaysia merupakan negara ke-21 terpenting bagi import buku USA pada tahun 2001 di bawah Filipina (13) dan Singapura (6).

Dari segi kategori buku, Singapura paling banyak mengimport buku teks iaitu dengan nilai US\$16 juta pada tahun 2002 (jadual 10b). Nilai itu meningkat dari sebanyak US\$6 juta pada tahun 1996. Malaysia langsung tidak termasuk dalam kategori 25 tertinggi dan ini bermakna nilai import Malaysia adalah terlalu kecil iaitu kurang daripada US\$1 juta. Ini tentulah menimbulkan andaian yang kuat bahawa buku-buku teks Amerika di Malaysia diperoleh melalui Singapura.

Bagi semua kategori, sebenarnya Singapura mendahului Malaysia dari segi jumlah import buku-buku Amerika sepanjang tujuh tahun kebelakangan kecuali bagi tahun 2001 dalam kategori buku kulit keras dan buku keagamaan (Kristian). Bagi semua tempoh masa yang lain, jumlah import ke Singapura adalah tidak terlawan oleh Malaysia. Ini dapat dilihat dengan jelas jika dilihat dari segi peratusan. Misalnya, peratusan import ke Malaysia bagi buku buku teknikal, saintifik dan profesional hanyalah 14 peratus daripada jumlah impor Singapura bagi kategori buku yang sama, manakala buku bergambar hanyalah 7.4 peratus sahaja.

Jadual 10a: Technical, scientific and professional books

Negara	1996	1997	1998	1999	2000	2001	2002
Singapore	7,633 1,558	8,780 1,665	6,386 1,135	9,317 1,690	24,658 4,518	13,503 2,433	15,377 3,014
Malaysia	1,454 166	1,247 178	993 172	1,407 413	2,780 712	2,135 306	2,348 327
Philippines	2,114 154	3,413 561	537 88	953 292	1,374 864	1,086 826	1,424 1,073

JADUAL 10
Import buku
dari USA
Mengikut
Kategori
(dalam
US\$1,000)

Jadual 10b: Textbooks

Negara	1996	1997	1998	1999	2000	2001	2002
Singapore	6,536 896	6,826 1,217	3,755 685	8,466 1,709	9,447 1,763	14,057 2,617	16,317 2,867
Philippines	2,116 442	3,121 639	2,686 518	1,205 250	1,459 308	4,723 717	6,248 1,105
Thailand	657 120	1,228 226	1,524 315	1,147 187	1,017 142	1,209 144	1,468 219

Jadual 10c: Art and pictorial books, printed not in single sheets

Negara	1996	1997	1998	1999	2000	2001	2002
Singapore	338 192	126 73	177 113	168 63	1,785 1,059	280 85	618 356
Philippines	157 11	0 0	0 0	56 37	71 33	9 6	371 247
Malaysia	9 6	74 23	15 10	4 2	18 12	65 10	75 39

Jadual 10d: Hardbound books

Negara	1996	1997	1998	1999	2000	2001	2002
Malaysia	1,631 879	1,296 678	409 189	426 270	447 292	643 420	265 404
Singapore	1,477 587	2,869 1,642	4,822 2,950	4,053 2,538	2,471 1,571	609 363	210 100
Philippines	5,195 na	4,904 na	3,581 na	4,186 na	3,582 na	3,238 na	143 na

Jadual 10e: Rack size paperbound books

Negara	1996	1997	1998	1999	2000	2001	2002
Singapore	7,604 3,024	5,217 1,974	2,482 983	4,246 1,999	3,725 1,813	5,296 3,189	4,936 2,546
Philippines	5,732 2,909	1,274 748	459 192	2,961 1,504	4,567 2,225	4,477 1,844	2,409 1,157
Thailand	1,775 648	681 204	537 139	1,087 292	1,084 303	1,354 472	1,170 511
Malaysia	331 214	144 95	144 115	160 111	196 100	46 24	865 549

Jadual 10f: Printed matter containing 49 or more pages each

Negara	1996	1997	1998	1999	2000	2001	2002
Singapore	9,601 11,873	10,008 10,539	7,681 9,132	13,395 17,606	16,277 19,747	12,926 15,135	10,328 11,120
Philippines	3,335 3,924	2,490 3,971	542 1,104	2,426 1,995	4,574 4,609	2,558 1,733	2,355 1,486
Malaysia	247 245	571 420	457 325	909 572	1,509 1,105	2,026 1,987	1,934 1,184
Thailand	896 1,355	627 958	338 512	700 1,040	1,068 1,488	1,162 1,710	914 1,343

Jadual 10g: Printed matter containing 5 - 48 pages

Negara	1996	1997	1998	1999	2000	2001	2002
Singapore	205 220	95 83	148 200	157 176	621 994	368 167	535 960
Indonesia	25 na	0 na	12 na	0 na	112 na	116 na	137 na
Philippines	5 0	3 5	86 117	12 19	83 130	186 312	95 147
Thailand	na 75	na 15	na 26	na 271	na 693	na 235	na 176

Jadual 10h: Religious books: Bibles, testaments, prayer books and other

Negara	1996	1997	1998	1999	2000	2001	2002
Philippines	2,325 1,816	1,597 1,219	1,577 1,584	1,133 709	1,777 1,416	1,609 1,360	1,705 1,289
Malaysia	161 265	389 433	112 266	259 202	663 552	873 330	894 615
Singapore	1,129	483	611	580	983	1,225	720

Sumber: Tariff and trade data from the U.S. Department of Commerce, the U.S. Treasury, and the U.S. International Trade Commission

Eksport buku ke Amerika Syarikat

Jika dikira dari segi buku sahaja (tidak termasuk kategori penerbitan lain) Singapura mengekspor US\$100 juta nilai buku pada tahun 2002. Dalam konteks kuantiti, statistik menunjukkan bahawa nilai pada tahun 2002 itu adalah bersamaan dengan 44 juta naskah buku. Begitulah sepanjang tujuh tahun kebelakangan ini, kuantiti buku yang dihantar ke Singapura adalah dalam lingkungan 35 juta hingga 44 juta setiap tahun. Ini berbanding dengan hanya satu juta hingga lapan juta naskah dari Malaysia yang bernilai pada kadar US\$7 juta setiap tahun. Singapura adalah pengekspor kelima terbesar bagi USA manakala Malaysia menduduki tempat ke-17 dan Thailand ke-18. Peningkatan Malaysia dari tahun ke tahun, walau bagaimanapun adalah besar berbanding dengan Singapura (Lihat Jadual 9).

Perlu ditegaskan bahawa, kebanyakan buku yang dieksport ini bukanlah buku-buku hasil tempatan atau karya-karya tempatan dalam konteks penulisan atau penghasilan tetapi adalah buku-buku yang dicetak di Malaysia atau Singapura dan dihantar semula ke USA kerana dihasilkan oleh penerbit-penerbit USA.

Dari segi kategori, buku-buku yang dieksport oleh Singapura adalah kebanyakannya jenis buku kulit tebal iaitu kira-kira 50 juta US dollar setahun sejak enam tahun kebelakangan ini. Kemudian diikuti oleh buku teks iaitu antara empat hingga lima juta US dollar setiap tahun. Kategori-kategori lain yang penting ialah buku sains dan teknikal, buku bergambar dan buku kulit nipis. Bagi Malaysia, trendnya juga adalah sama dari segi keutamaan buku eksport kecuali jumlah bagi Malaysia adalah kira-kira 7.7 peratus daripada seluruh eksport buku Singapura ke USA.

Jadual 11a: Dictionaries (including thesauruses)

Negara	1996	1997	1998	1999	2000	2001	2002
Malaysia	0	0	7	0	91	10	130
	0	0	0	0	21	3	95
Singapore	6	54	435	425	126	101	100
	1	17	90	163	48	37	33

JADUAL 11
Buku Eksport
ke USA
Mengikut
Kategori
(dalam
US\$1,000/
1,000 naskhah)

Jadual 11b: Encyclopedias and serial installments

Negara	1996	1997	1998	1999	2000	2001	2002
Singapore	274	594	411	481	335	280	457
	48	66	73	110	67	57	102
Malaysia	0	0	0	180	16	20	295
	0	0	0	48	6	13	43
Indonesia	0	0	0	92	165	0	75
	0	0	0	14	41	0	42

Jadual 11c: Textbooks

Negara	1996	1997	1998	1999	2000	2001	2002
Singapore	5,032	5,196	4,141	3,521	3,896	4,190	4,329
	767	613	587	843	1,028	1,437	1,286
Malaysia	233	253	605	678	569	778	1,539
	47	35	70	189	146	271	525
Thailand	152	108	173	179	467	426	647
	13	20	22	40	441	341	242

Jadual 11d: Religious books: Bibles, testaments, prayer books and other

Negara	1996	1997	1998	1999	2000	2001	2002
Singapore	2,087	1,953	1,901	2,571	2,117	1,954	1,633
	1,060	1,088	1,114	1,562	1,066	852	879
Malaysia	540	483	357	534	472	677	601
	231	168	161	432	337	287	179
Thailand	189	45	36	1,605	176	201	225
Indonesia	0	7	138	20	33	60	106

Jadual 11e: Technical, scientific and professional books

Negara	1996	1997	1998	1999	2000	2001	2002
Singapore	3,749 2,064	4,562 1,442	3,090 945	2,180 675	3,247 1,254	3,271 1,572	2,564 831
Malaysia	92 61	309 251	193 128	572 388	695 246	370 201	284 113

Jadual 11f: Art and pictorial books valued under \$5 each

Negara	1996	1997	1998	1999	2000	2001	2002
Singapore	1,968 902	1,126 463	1,511 610	2,113 759	1,872 722	949 521	1,240 764
Malaysia	282 147	36 10	58 25	153 42	30 34	27 14	804 2,196
Thailand	68 29	3 5	48 75	108 79	41 38	433 353	678 1,243
Indonesia	0 0	0 0	14 8	10 8	0 0	3 2	205 165

Jadual 11g: Art and pictorial books valued \$5 or more each

Negara	1996	1997	1998	1999	2000	2001	2002
Singapore	1,288 162	1,434 181	1,459 181	439 55	1,706 152	3,985 186	612 68
Thailand	25 1	0 0	58 4	151 13	161 9	80 5	231 16

Jadual 11h: Hardbound books

Negara	1996	1997	1998	1999	2000	2001	2002
Singapore	58,940 21,206	39,883 16,186	38,787 15,333	44,459 17,614	43,959 15,283	47,344 18,502	52,787 20,399
Thailand	3,829 2,598	3,587 4,305	2,744 2,341	3,965 3,116	4,084 2,697	7,563 4,135	5,153 2,298
Malaysia	891 300	754 302	1,528 835	2,685 1,971	4,245 1,944	2,598 1,006	3,363 1,348

Jadual 11i: Rack size paperbound books

Negara	1996	1997	1998	1999	2000	2001	2002
Singapore	2,768 2,011	7,639 5,385	7,478 5,239	6,063 3,438	5,037 3,043	3,710 2,260	4,911 2,728
Thailand	19 28	374 203	540 328	591 356	106 33	246 177	754 230
Malaysia	76 24	39 20	271 208	437 361	312 180	133 131	452 296

Jadual 11j: Printed books 5 - 48 pages

Negara	1996	1997	1998	1999	2000	2001	2002
Singapore	1,806 1,285	2,485 2,037	3,518 4,887	4,182 4,259	2,731 3,202	3,794 4,070	3,424 3,004
Thailand	340 487	182 157	156 316	124 377	2,052 2,674	496 1,549	1,593 3,153
Malaysia	216 213	94 165	170 345	1,843 1,113	735 741	606 1,953	766 1,281
Indonesia	12 19	6 3	0 0	163 47	759 710	60 135	546 2,194

Jadual 11k: Printed books containing 49 or more pages

Negara	1996	1997	1998	1999	2000	2001	2002
Singapore	18,057 8,150	26,909 10,482	31,629 13,433	22,273 9,399	21,341 8,895	26,728 10,945	27,613 13,659
Malaysia	1,073 414	2,105 1,222	1,307 844	1,875 956	3,235 2,007	2,430 1,316	3,244 1,882
Thailand	1,117 677	1,133 728	785 644	873 673	1,033 742	1,063 797	991 828

Sumber: Tariff and trade data from the U.S. Department of Commerce, the U.S. Treasury, and the U.S. International Trade Commission

Kesimpulan

Jika dilihat daripada perdagangan ASEAN dengan USA, UK, Jepun dan India, ternyata bahawa Singapura menduduki tempat yang teratas dan menjadi negara yang paling utama mengimport atau mengeksport bahan penerbitan.

Namun, jika dilihat negara-negara ASEAN keseluruhannya, terdapat empat negara yang memainkan peranan besar dalam import dan eksport bahan penerbitan iaitu Singapura, Malaysia, Thailand dan Filipina. Nilai yang begitu tinggi oleh Singapura tentulah dapat dijelaskan dengan peranan negara itu sebagai pintu yang penting bagi pengedaran di Asia Tenggara:

Kajian ini walau bagaimanapun tidak meneliti perdagangan intra-Asean dan dengan demikian tidaklah dapat dilihat bagaimana pergerakan bahan-bahan penerbitan di kalangan negara-negara tersebut. Walau bagaimanapun, memandangkan bahasa yang digunakan di Asean adalah pelbagai dan kurang penggunaan bahasa yang sama maka kemungkinan tidak berlaku perdagangan yang besar. Namun ini tidak semestinya benar kerana dalam dunia percetakan, bahasa adalah tidak penting. Yang mungkin lebih penting ialah keberkesanannya percetakan dari segi teknologi dan kos. Dengan kata lain, Malaysia yang mempunyai kemudahan percetakan yang lebih baik dari Indonesia atau Filipina misalnya, mungkin mencetak bahan-bahan penerbitan mereka dan kemudian mengeksport semula bahan percetakan itu ke negara tersebut.

Namun begitu, data-data yang lebih terperinci diperlukan untuk melihat sejauh mana keadaan sedemikian berlaku. Memandangkan data-data ini penting untuk memantau perdagangan luar Malaysia dalam industri buku dan juga untuk memastikan perkembangan yang positif dalam industri penerbitan dan percetakan tempatan, usaha-usaha perlulah diambil untuk mendapatkan angka-angka yang tepat. Dalam konteks ini, industri buku dan cetak sendiri perlulah mengambil inisiatif untuk mengenal pasti aliran masuk dan keluar bahan-bahan penerbitan mereka supaya data-data yang penting seperti ini dapat diketahui dan dimanfaatkan.

Akhir sekali, kajian ini adalah meliputi penerbitan dan percetakan sekaligus. Memandangkan dua perkara ini perlu dipisahkan maka kajian seterusnya perlu melihat data-data yang terperinci tentang kedua-dua bidang ini.

- Business Times*, (2001), "Less Exports and Imports through Singapore: Rafidah," 11 Apr.
- Customs and Tariff Bureau, Ministry of Finance, Japan
- Department of Trade and Industry Strategy Unit, United Kingdom
- Government of India, Foreign Trade Statistics
- Jabatan Perangkaan Malaysia, External Trade Statistics
- Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (1999), *Memorandum Industri Buku Negara kepada Jawatankuasa Kerja MAPEN 2*, Disember.
- Sulaiman Daud (1993), "Towards a Vigorous book Industry: An Agenda for the Nation," kertas kerja *Konvensyen Industri Buku ke-10*, Holiday Inn, Damai Beach, Sarawak, 28-31 Mei 1993.
- U.S. International Trade Commission

Rujukan